



Oksidentalisme **lawan Barat**

» Kajian sejarah asal dunia Timur dibuat mampu tangkis dakwah orientalis

“Bahasa Inggeris kemudian hanya ditutur pada kurun ke-11 dan pada ketika itu tamadun Melayu sudah berusia 1,000 tahun, bagaimanapun sejarah diterbalikkan oleh orientalis yang bukan saja memadam kemunduran mereka malah memadam kegemilangan Timur”

Dr Mat Rofa Ismail,
Pengkaji sejarah

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Bidang ilmu oksidentalisme, iaitu kajian timur terhadap tamadun Barat adalah sangat penting sebagai usaha melawan keberangantungan terhadap sejarah karangan orientalis yang kemudiannya ‘ditanam’ dalam diri masyarakat di alam Melayu sejak berabad lalu. Kajian oksidentalisme berasaskan sumber primer yang belum diolah, dilihat sebagai timbal balik kepada kajian berat sebelah orientalis yang menutup kehebatan tamadun Melayu yang sudah bermula sejak puluhan ribu tahun lalu, dengan pelbagai agenda di sebaliknya.

Melalui sejarah di tangan sejarawan Barat yang masih lagi menjadi sumber rujukan utama kita, ketamadunan mereka diangkat dan diperbesar-besarkan, tetapi soalnya benarkah bangsa yang pernah menjajah alam Melayu itu benar-benar bangsa yang hebat?

Persoalan itu dikupas dalam Wacana Malayonesia-Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu yang berlangsung di Kelab Golf, Danau Universiti



Pelajar yang turut hadir pada Wacana Malayonesia Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu oleh Dr. Mat Rofa Ismail di Kelab Golf Danau UKM, Bangi.
(FOTO SHIRAZ YASMIN ALI / BH)

Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.

England tidak bertamadun hingga kurun ke-17

Pengkaji sejarah, Profesor Madya Dr Mat Rofa Ismail, berkata catatan sahih oleh Ibn Saad al-Maghribi yang mengembara sampai ke benua Eropah pada kurun sembilan Masihi mendapati penduduk di sana masih mundur, bermusuhan dan percaya kepada perkara tahyul.

Pada waktu sama ketika itu katanya, Universiti Al-Azhar sudah ditubuhkan tetapi di England, masyarakatnya masih mundur dan tidak bertamadun sehinggalah pada kurun ke-17.

“Bangsa Inggeris hari ini dibentuk hanya dalam kurun ke-10 ketika dua bangsa gasar yang asyik berperang sebelum itu, iaitu Anglo dan Saxon berdamai dan mengadakan perkahwinan campur dalam kalangan mereka.

“Bahasa Inggeris kemudian hanya ditutur pada kurun ke-11 dan pada ketika itu tamadun Melayu sudah berusia 1000 tahun, bagaimanapun sejarah diterbalikkan oleh orientalis yang bukan saja memadam kemunduran mereka malah memadam kegemilangan Timur.

“Di sinilah pentingnya ilmu oksidentalisme yang merujuk pada sumber tulisan asal bagi membolehkan kajian lebih adil dilakukan

berbanding dengan kajian berdasarkan rujukan kepada kajian lain yang akan menyebabkan kira terpengaruh dengan sistem nilai mereka,” katanya.

Mat Rofa yang juga pengarang naskhah Malayonesia-Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu berkata, buku keduanya itu ditulis mengikut ‘watak’ oksidentalisme yang disandarkan kepada manuskrip asal serta tulisan utama yang tidak diolah pihak kedua.

Penerbitan buku itu dilakukan sebagai pemurnian terhadap sejarah Melayu yang banyak diselewengkan oleh orientalis Barat sedangkan bangsa ini mempunyai keindahan dan kegemilangan tersendiri sejak zaman kebangkitan Islam.

Mat Rofa yang juga pensyarah Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, perihal kebijaksanaan orang Melayu yang bertanggungjawab mengembangkan agama Buddha sebelum kedatangan Islam boleh dirujuk melalui Tarikh Fathani iaitu kitab tulisan ulama terkenal, Syeikh Faqih ‘Ali Al-Fathani.

Orang Melayu bangsa maju

Mengikut Tarikh Fathani, orang Melayu yang berwajah hitam-merah atau hitam manis adalah bangsa yang sangat maju kerana mendapat ajaran daripada orang Arab dan Farsi yang tiba dulu ke

Fattani (Pattani) jauh lebih awal daripada kedatangan Islam ke kawasan itu.

Orang Melayu digambarkan sebagai sangat alim dalam agama Buddha sehinggalah dalam sejarah China ditulis bagaimana ilmunya diutus untuk mempelajari Buddha dengan Melayu.

“Orang Melayu juga dicatatkan sebagai yang bertanggungjawab mengembangkan Buddha ke China dan masyarakat China yang menerima Islam sejak zaman Khalifah, membawanya ke alam Melayu dan fakta ini tidak dicatat di mana-mana kecuali di dalam Tarikh Fathani.

“Sejarah orang Melayu melihat bagaimana Islam menjadikan kita daripada bangsa yang hanya sekadar membina tamadun fizikal dan kebendaan kepada bangsa yang membina peradaban.

“Apa yang berlaku kepada Melayu pada zaman itu sama dengan keadaan kaum Quraisy sebelum kedatangan Islam. Kedatangan Islam mengeluarkan bangsa Melayu daripada zaman kegelapan kepada zaman kegemilangan,” katanya.

Mat Rofa turut membuat perbandingan di antara Tarikh Fathani dengan *The Malay Archipelago* yang ditulis Alfred Russel Wallace bagi membezakan kajian alam Melayu dari sudut kajian umat Islam dengan orientalis yang mengkaji dengan tujuan melakukan penjajahan.

“Naskhah ditulis Wallace dipenuhi dengan sistem nilai penjajah dan disebabkan itu kita perlu berhati-hati memandangkan sejarah kita banyak ditulis dari sudut pandang mereka.

“Kini ada usaha mengembangkan ilmu oksidentalisme bagaimana pun ia tidak dapat dilakukan sekiranya kita masih lagi menggunakan bahan kajian tulisan orientalis Barat yang banyak menyembunyikan fakta mengenai alam Melayu.

“Barat perlu dikaji dalam ‘wajah’ mereka yang sebenar dan penyelewengan sejarah adalah satu bentuk jenayah sejarah,” katanya.